

Mahathir hargai PBB ambil semula penentangnya

KUCHING 24 Ogos -- Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menghargai kesediaan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) mengambil semula orang-orang yang dahulunya menentang parti itu.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, "Dalam perjuangan politik, ada kalanya kita berkawan, ada masanya kita berlawan."

"Yang menjadi kawan mungkin menjadi musuh, sebaliknya yang menjadi musuh akan menjadi kawan".

Beliau memetik sebuah pepatah Inggeris yang menyebut bahawa apabila kita kalah kita tidak kehilangan maruah kita, sebaliknya bila kita menang, kita harus bermurah hati kepada yang kalah.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas ucapan Presiden PBB, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, di perhimpunan agung parti itu di sini mengenai sikap baru PBB untuk tidak menutup pintu buat selama-lamanya.

Walaupun tidak menyebut secara khusus, Taib dipercayai merujuk kepada ahli-ahli Parti Bansa Dayak

Sarawak (PBDS) yang merupakan parti pembangkang di peringkat negeri tetapi komponen BN di peringkat pusat.

Sebelum ini PBDS secara terbuka memohon kembali semula menyertai BN3 tanpa syarat sebaik sahaja ia memenangi cuma tujuh daripada 56 kerusi dalam pilihan raya negeri September tahun lalu.

Bagaimanapun dalam kenyataannya itu, Taib menegaskan bahawa tawaran yang dibuatnya hanyalah kepada ahli-ahli parti secara individu.

Menurut Taib, untuk menerima PBDS sebagai parti menyertai semula komponen BN di peringkat negeri adalah sukar kerana dalam PBDS sendiri tidak wujud pendirian yang seragam mengenai BN.

Sambil menyifatkan pendirian PBB itu sebagai bernas dan berani, Perdana Menteri berkata, ini adalah satu sikap yang boleh menyelesaikan dan mengatasi masalah-masalah kepincangan dalam mana-mana masyarakat.

"UMNO di Semenanjung juga menghadapi masalah

yang sama. Walaupun kita bersetuju untuk terima, masih juga timbul keraguan ahli-ahli untuk terima mereka yang menjadi kumpulan serpihan daripada UMNO yang telah menentang UMNO dalam pilihan raya lalu.

"Tidak seperti di sini, kumpulan itu tidak menyokong UMNO sama sekali bahkan merekalah yang menyebabkan UMNO kalah teruk di Kelantan sehingga tidak ada satu pun kerusi dimenangi oleh UMNO di negeri itu," kata Dr. Mahathir.

Kesalahan

Bagaimanapun, katanya, hari ini ramai daripada mereka itu sedar akan kesalahannya dan ramai sudah tidak punya minat untuk menentang UMNO bahkan mereka ingin menyertai semula UMNO.

Dalam nada berseloroh Perdana Menteri berkata, "kita telah buka pintu bagi mereka tetapi kadang-kadang di tempat tertentu ada pihak tutup pintu kerana khuatir ada yang bawa mechine gun".

Sebelum itu Taib dalam

ucapannya berkata, undi yang diperolehi oleh BN3 semasa pilihan raya negeri lalu berlebihan daripada yang sepatutnya ia terima.

"Kita tahu ada sebilangan pengikut pembangkang mengundi kita dan ini membuktikan bahawa rakyat tidak selalunya emosional semasa membuang undi," ujarnya.

Kata beliau oleh itu dalam PBB mesti ada sikap baru iaitu tidak punya sikap menutup pintu kepada penentang-penentang buat selama-lamanya.

Tambahnya lagi, beliau tahu ada segelintir ahli PBB bimbang kalau-kalau sikap mudah memaaf itu akan membuatkan orang mengambil kesempatan memasuki PBB dan memusnahkannya dari dalam.

Kepada ahli-ahli PBB beliau berkata, mereka janganlah takut orang-orang ini akan membawa 'mechine gun' kerana beliau sudah menyiapkan 'pengesan besi' di pintu masuk PBB.

Tambahan pula, PBB pernah melalui pengalaman di mana orang-orang yang bergaduh semasa pilihan raya berbaik semula sehingga membawa percantuman.